



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA (AGC)
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS, MALAYSIA (AGC)

KENYATAAN MEDIA

DAKWAAN BERKAITAN DENGAN PENDAKWAAN TERPILIH (*SELECTIVE PROSECUTION*) BERMOTIF POLITIK DAN PENGANIAYAAN (*PERSECUTION*)

Susulan daripada dakwaan bahawa berlakunya pendakwaan terpilih (*selective prosecution*) yang bermotif politik dan penganiayaan (*persecution*) dalam pendakwaan kes baru-baru ini, Jabatan Peguam Negara menegaskan bahawa keputusan untuk mengenakan pertuduhan terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan keterangan dan fakta hasil daripada penyiasatan, dan bukannya atas desakan mana-mana pihak atau faktor yang lain.

Keputusan itu dibuat berdasarkan keterangan dalam kertas siasatan, tidak memihak kepada sesiapa berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperolehi keadilan yang sewajarnya selaras dengan bidang kuasa Peguam Negara yang diperuntukkan di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, Jabatan Peguam Negara menafikan dakwaan wujudnya pendakwaan terpilih (*selective prosecution*), bermotif politik dan penganiayaan (*persecution*) terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang.

Sekiranya terdapat keterangan dan bukti kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang, individu itu akan didakwa oleh Jabatan Peguam Negara berdasarkan peruntukan undang-undang tanpa mengira status dan latar belakang orang yang didakwa.

PEGUAM NEGARA MALAYSIA

19 JULAI 2023